

# KEMALANGAN

[FOTO IHSAN BOMBA]



**Sebahagian daripada 13 penumpang dan pemandu bas persiaran yang cedera** selepas bas dinaiki terbabas dan terbalik di Kilometer 31.3, Lebuhraya Karak di Gombak, petang semalam.

# Bas persiaran terbalik di Karak

BH  
1/9/16  
MLS 14

➔ 14 cedera kenderaan terbabas, langgar pembahagi jalan

Oleh **Safeek Affendy Razali**  
bhnews@bh.com.my

► **Gombak**

Seramai 13 penumpang dan pemandu sebuah bas persiaran cedera selepas bas dinaiki mereka terbabas dan terbalik di Kilometer 31.3, Lebuhraya Karak, di sini, petang semalam.

Dalam kejadian sekitar jam 3.50 petang itu, bas berkenaan yang dalam perjalanan dari Genting Highlands ke ibu negara dilaporkan terbabas dan melanggar tembok pembahagi jalan.

Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor, Mohd Sani Harul, berkata bas itu kemudian terbalik hingga menghalang dua lorong di laluan berkenaan.

“Seramai tujuh anggota dan pegawai dari Balai Bomba Selayang, dikejarkan ke lokasi kejadian se-

jurus menerima maklumat kemalangan itu, namun sebaik tiba semua mangsa sudah dihantar ke Hospital Selayang untuk rawatan lanjut.

“Hasil pemeriksaan, 12 penumpang yang juga pelancong warga Singapura serta pemandu bas dan pemandu pelancongnya cedera dan dalam keadaan stabil,” katanya ketika dihubungi BH.

## Sesak teruk

Akibat kemalangan itu, laluan dari arah Bentong menuju ke Plaza Tol Gombak, sesak teruk sepanjang hampir dua kilometer hampir dua jam.

Sementara itu, tinjauan di Hospital Selayang mendapati semua penumpang terbabat diberi rawatan pesakit luar.

Bagaimanapun, pemandu bas berkenaan yang patah kaki menerima rawatan susulan.

Info

## Bas bawa 12 pelancong terbalik di Kilometer 31.3 Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak

**A** Bas dari Genting Highlands membawa 12 pelancong Singapura menghala ke Kuala Lumpur

**B** Bas hilang kawalan lalu merempuh pembahagi jalan dan terbalik

### Fakta bas ekspres



► Pemandu dan semua penumpang cedera ringan

► Kejadian berlaku di kilometer 31.3 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak

► Waktu kejadian sekitar jam 3.50 petang

**C** Bas terbalik lalu menghalang pengguna lebu raya

